

**KENYATAAN AKHBAR  
KEPUTUSAN PEPERIKSAAN STPM 2018  
NEGERI SARAWAK**

Keputusan Peperiksaan STPM 2018 diumumkan di seluruh negara pada hari ini (Isnin) **11 Mac 2019**. Peperiksaan STPM merupakan Peperiksaan pensijilan terbuka, iaitu sijil akan diberi kepada calon yang lulus penuh atau lulus sebahagian dalam sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Seramai 5,479 calon telah mendaftar untuk menduduki Peperiksaan STPM di Sarawak pada tahun 2018 berbanding dengan **5,329** calon pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, **5,450** (99.47%) merupakan calon Sekolah Menengah Kebangsaan sementara **29** orang (0.53%) adalah calon persendirian.

Pada keseluruhannya, seramai **5,191** orang atau (**98.37%**) calon sekolah telah mendapat sijil STPM pada tahun 2018 berbanding dengan **5,055** calon (**98.17%**) tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak **0.20%**. Daripada jumlah calon tersebut, seramai **16** calon (**0.30%**) lulus penuh dalam 5 mata pelajaran (5P), **3,698** calon (**70.08%**) lulus penuh dalam 4 mata pelajaran (4P), **847** calon (**16.05%**) lulus penuh dalam 3 mata pelajaran (3P), **384** calon (**7.28%**) lulus penuh dalam 2 mata pelajaran (2P) manakala **246** calon (**4.66%**) lulus penuh dalam satu mata pelajaran (1P).

Keputusan **STPM 2018** Negeri Sarawak adalah pada tahap yang sangat memberangsangkan kerana menunjukkan peningkatan dalam Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) bagi Negeri Sarawak berbanding dengan tahun 2017, iaitu **daripada PNGK 2.64 pada tahun 2017 kepada 2.73 pada tahun 2018** iaitu **peningkatan sebanyak 0.09**.

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016	2017	<b>2018</b>
PNGK	2.14	2.43	2.49	2.48	2.59	2.64	<b>2.73</b>

## **Prestasi Mata Pelajaran**

Dari segi pencapaian mata pelajaran, prestasi calon sekolah Negeri Sarawak bagi STPM 2018 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Mata Pelajaran</b>	<b>Bilangan Calon Menduduki</b>	<b>Jumlah Calon Lulus Penuh</b>	<b>Peratus(%) Calon Lulus Penuh</b>
<b>Mata Pelajaran Wajib</b>				
1	Pengajian Am	5,274	4725	89.57
<b>Aliran Sastera</b>				
2	Perakaunan	48	48	100.00
3	Information And Communications Tech.	23	23	100.00
4	Seni Visual	1,362	1347	98.90
5	Syariah	180	167	92.78
6	Usuluddin	64	58	90.63
7	Bahasa Melayu	4,251	3800	89.39
8	Geografi	1,479	1311	88.64
9	Sejarah	2,686	2326	86.60
10	Bahasa Cina	58	50	86.21
11	Literature In English	29	24	82.76
12	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	950	755	79.47
13	Ekonomi	1,201	953	79.35
14	Pengajian Perniagaan	1,535	1218	79.35
15	Mathematics (M)	24	19	79.17
16	Bahasa Arab	187	87	46.52
<b>Aliran Sains</b>				
17	Sains Sukan	125	124	99.2
18	Chemistry	551	476	86.39
19	Biology	285	243	85.26
20	Mathematics (T)	562	457	81.32
21	Physics	276	217	78.62

### **Perbandingan Prestasi Mata Pelajaran Tahun 2018 dengan 2017**

Pada tahun 2018, terdapat peningkatan yang amat ketara dari segi prestasi mata pelajaran berbanding dengan tahun 2017 iaitu **10 daripada 21** mata pelajaran yang diambil oleh calon - calon Negeri Sarawak menunjukkan peningkatan seperti yang berikut;

<b>Bil</b>	<b>Mata Pelajaran</b>	<b>Peratus Kelulusan (%)</b>		<b>Peratus Peningkatan (%)</b>
		<b>2018</b>	<b>2017</b>	
1	Pengajian Perniagaan	79.35	73.71	5.64
2	Pengajian Am	89.57	84.83	4.74
3	Ekonomi	79.35	74.69	4.66
4	Information And Communications Tech.	100.00	95.46	4.54
5	Syariah	92.78	89.47	3.31
6	Seni Visual	98.90	96.76	2.14
7	Bahasa Melayu	89.39	88.50	0.89
8	Geografi	88.64	87.79	0.85
9	Sejarah	86.60	86.29	0.31
10	Bahasa Arab	46.52	46.29	0.23

## **Prestasi Pelajar**

Dari segi pencapaian individu pula, seramai **92 (1.74%)** calon Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Sarawak telah berjaya mencapai Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.00 (maxima) pada tahun 2018 berbanding dengan 51 (0.96%) calon tahun 2017.

Manakala seramai **1,997 (37.84%) calon** mendapat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.00 ke atas berbanding seramai **1,726 (33.59%)** calon pada tahun 2017. **Peningkatan sebanyak (4.25%)** iaitu pertambahan seramai 271 calon.

Dua orang calon Negeri Sarawak telah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM 2018. Pelajar- pelajar tersebut ialah:

1. Kuan Kah Yee – SMK Tun Abdul Razak, Padawan
2. Connie Ong Hui May – SMK Oya, Dalat

Dua orang pelajar ini telah dijemput untuk menghadiri Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang STPM 2018 peringkat kebangsaan di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan pada 11 Mac 2019.

### **Pencapaian Sekolah**

**28 buah sekolah** telah mencapai keputusan STPM 2018 yang sangat memberangsangkan iaitu Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) melebihi 2.80.

<b>Bil</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>PNGK (GPS)</b>
1	SMK Chung Hua, Sibul	3.53
2	SMK Kampung Nangka, Sibul	3.50
3	SMK Sacred Heart, Sibul	3.46
4	SMK Batu Kawa, Padawan	3.28
5	SMK Meradong (A), Meradong	3.24
6	SMK Bandar Sibul, Sibul	3.18
7	SMK Lanang, Sibul	3.13
8	SMK Methodist, Sibul	3.10
9	SMK Bako, Kuching	3.08
10	SMK Sungai Merah, Sibul	3.08
11	SMK Pending, Kuching	3.07
12	SMK Merbau, Miri	3.07
13	SMK Green Road, Kuching	3.04
14	SMK Agama Igan, Dalat	3.03
15	SMK Batu Lintang, Kuching	3.00
16	SMK Bintulu, Bintulu	3.00
17	SMK Saribas, Betong	2.99
18	SMK Pusa, Betong	2.99
19	SMK Lutong, Miri	2.99
20	SMK Chung Hua, Miri	2.99
21	SMK Meradong (B), Meradong	2.99
22	SMK Asajaya, Samarahan	2.98
23	SMK Tung Hua, Sibul	2.96
24	SMK Luar Bandar Sibul No 1, Sibul	2.95
25	SMK Jalan Oya, Sibul	2.94
26	SMK Agama, Miri	2.88
27	SMK Long Lama, Baram	2.83
28	SMK St. Anthony, Sarikei	2.80

## **Penghantaran Slip Keputusan Dan Semak Semula**

Keputusan Peperiksaan STPM 2018 bagi calon sekolah telah dihantar kepada semua pengetua sekolah berkenaan, manakala Majlis Peperiksaan Malaysia akan menghantar keputusan bagi calon persendirian melalui Pos.

Semua calon boleh menyemak keputusan mereka melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menaip **STPM <jarak> Result <jarak> No. Kad Pengenalan** dan hantar ke **15888** atau melayari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) pada **11.03.2019, selepas jam 12:00 tengah hari.**

Sehubungan dengan pengumuman keputusan ini, mana – mana calon yang ingin membuat pembetulan maklumat peribadi pada slip keputusan hendaklah mengemukakan permohonan pada atau sebelum 31 Mei 2019.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Pengetua, guru, ibu bapa dan pihak yang terlibat dalam persediaan pengurusan dan pengendalian Peperiksaan STPM 2018. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas sumbangan serta kerjasama yang padu dalam usaha menambah dan meningkatkan mutu prasarana sekolah ke arah peningkatan kualiti pendidikan di negeri ini.

**Dr. HAJI AZHAR BIN HAJI AHMAD  
PENGARAH PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK**